



## UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI DOBI (MBJB) 2003

*Laundries (Johor Bahru City Council) By-Laws 2003*

**J. P.U. 71.****AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI DOBI**  
**(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73 (1) (h), seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 /Akta 171/, Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

**Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa**

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Kedai Dobi (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2003** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru;

“kedai dobi” ertinya mana-mana tempat, bangunan atau sebahagian daripada suatu bangunan di mana pakaian dibasuh, dijemur atau diperah sama ada dengan tangan atau dengan jentera dan termasuklah kedai dobi wap, establishmen cucian kering dan *launderettes*:

“pakaian” termasuklah kain baju, tuala, linen, ambal, sarung kusyen, alas meja, selimut, sarung bantal, cadar, langsir atau apa-apa barang boleh basuh yang diperbuat daripada bahan bertenun;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang kepadanya suatu lesen telah diberi di bawah Undang-undang Kecil ini;

“premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang berlesen di bawah Undang-undang Kecil ini dan adalah termasuk tanah yang bersangkutan dengannya.

**Lesen**

3. Tiada seorangpun boleh menggunakan mana-mana tempat atau premis sebagai kedai dobi tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar.

**Permohonan untuk mendapatkan lesen**

4. (1) Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar dalam borang yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

(2) Fee-fee lesen bagi kedai dobi adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

(3) Sesuatu lesen akan tamat tempoh pada 31hb Disember dalam tahun ia dikeluarkan atau pada suatu tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

#### Penentuan dinding

5. Dinding kawasan di mana kerja membasuh dilakukan dengan tangan hendaklah dilengkapkan dengan jubin berglis setinggi tidak kurang daripada 1.5 meter melainkan jika dikecualikan oleh Datuk Bandar.

#### Penentuan lantai

6. Lantai kawasan di mana kerja membasuh dijalankan hendaklah diperbuat dengan bahan kalis yang licin dan dilandai supaya semua cecair mengalir dengan laju ke dalam longkang.

#### Kebersihan pemegang lesen, dsb

7. Mana-mana orang yang diambil bekerja dalam kedai dobi hendaklah menjaga badan dan pakaianya dalam keadaan bersih.

#### Orang yang berpenyakit tidak boleh bekerja dalam kedai dobi

8. (1) Tiada seorangpun yang mengidap penyakit kulit atau penyakit yang menular boleh masuk, tinggal, bekerja atau diambil bekerja dalam mana-mana kedai dobi.

(2) Kejadian sesuatu penyakit yang menular atau berjangkit di mana-mana premis yang digunakan sebagai kedai dobi hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Datuk Bandar oleh pemegang lesen.

(3) Tiada seorangpun pemegang lesen boleh menerima dengan disedarinya apa-apa jua barang dari atau kepunyaan atau digunakan oleh mana-mana orang yang tinggal dalam mana-mana rumah atau institusi di mana terdapat penyakit yang menular dan berjangkit.

(4) Seseorang pemegang lesen kedai dobi yang dengan tidak disedarinya menerima pakaian terjangkit hendaklah sebaik sahaja menyedari hakikat itu memberitahu Datuk Bandar dengan memberi nama dan alamat orang yang darinya pakaian itu diterima, dan hendaklah mengambil langkah-langkah bagi menentukan supaya pakaian terjangkit itu diketepikan dan diselenggarakan mengikut cara yang diarahkan oleh Datuk Bandar.

#### Kebersihan

9. (1) Premis-premis yang digunakan sebagai kedai dobi dan semua perkakas, kelengkapan, lengkapan dan jentera yang terdapat dalamnya hendaklah dijaga dalam keadaan cuci dan bersih.

(2) Tiada seekor pun anjing, ayam itik atau apa-apa binatang lain boleh disimpan di premis sesuatu kedai dobi.

(3) Jika pakaian dijemur di luar, ianya hendaklah dijemur di ampaian. Tiada seheula pun pakaian boleh dijemur di atas tanah.

(4) Semua pakaian yang telah dibasuh hendaklah disimpan di atas tetingkat, bekas atau meja dan bukan di atas lantai.

(5) Tiada seorangpun boleh duduk, bersandar atau tidur di tengah-tengah pakaian dalam sesuatu kedai dobi.

(6) Air dari bekalan air awam hendaklah digunakan untuk kerja mendobi melainkan jika dikecualikan oleh Datuk Bandar.

(7) Pakaian yang telah dibasuh tidak boleh dicampurkan dengan pakaian kotor.

#### **Meminjamkan pakaian adalah dilarang**

10. Tiada seorangpun pemegang lesen boleh meminjamkan atau menyewakan atau menggunakan pakaian yang diamanahkan kepadanya semasa menjalankan perniagaannya.

#### **Gantiudara**

11. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa terdapat gantiudara yang cukup dalam premis-premis berlesen sehingga Datuk Bandar berpuas hati dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap alat gantiudara itu dijaga dalam keadaan baik dan sempurna.

#### **Penalti**

12. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

#### **Kuasa mengkompaun**

13. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini dengan sejumlah wang tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Pembayaran boleh diserahkan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi jika dihantar dengan pos, hendaklah dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

(5) Borang dalam Jadual Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Johor Bahru) Kerajaan Tempatan 1987 [J.P.U. 1/1989], hendaklah digunakan bagi mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

## JADUAL

*(Undang-undang Kecil 4(2))*

## FEE LESEN

*Fee Lesen Setahun*

<i>(a)</i>	Kedai dobi, launderettes dan cucian kering.	RM150.00
<i>(b)</i>	Kedai dobi wap	RM200.00

Dibuat pada 22hb Julai 2003.  
 [K.T. 24/69/27; PUNJ. Bil. (PU 2) 7 (22).]  
 [MBJB/UU/UUK/2/2003.]

DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN,  
*Datuk Bandar;*  
*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Disahkan pada 10hb September 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD,  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Johor*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LAUNDRIES  
 (JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) BY-LAWS 2003

In exercise of the powers conferred by subsection 73 (1) (h), sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Johor Bahru City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

**Citation, application and commencement**

1. (1) These By-laws may be cited as the **Laundries (Johor Bahru City Council) By-laws 2003** and shall apply only to the Johor Bahru City Council.

(2) These By-laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Interpretation**

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“clothes” includes clothing, towels, linen, rugs, cushion covers, table cloth, blankets, pillow covers, bedsheets, curtains or any other washable items made from woven material;

"laundry" means any place, building or part of a building where clothes are washed, dried or pressed either manually or mechanically and includes steam laundries, dry cleaning establishments and launderettes;

"licensee" means any person to whom a licence has been granted under these By-laws;

"licenced premises" means any premises licensed under these By-laws and shall include the land appurtenant thereto;

"Mayor" means the Mayor of the Johor Bahru City Council.

#### **Licence**

3. No person shall use any place or premise as a laundry without a licence issued by the Mayor.

#### **Application for licence**

4. (1) Every application for a licence shall be made in writing to the Mayor in such form as the Mayor may determine.

(2) Licence fees for laundries are as prescribed in the Schedule.

(3) A licence shall expire on the 31st day of December of the year in which it is issued or on such earlier date as may be determined by the Mayor.

#### **Wall specification**

5. The walls of the area where washing is done manually shall be provided with glazed tiles to a height of not less than 1.5 metres unless exempted by the Mayor.

#### **Floor specification**

6. The floors of the area where washing is carried out shall be made of smooth impervious material and graded so that all fluids flow speedily into the drains.

#### **Cleanliness of licensee, etc.**

7. Any person employed within the laundry shall maintain his body and clothing in a state of cleanliness.

#### **Diseased person not to work in laundry**

8. (1) No person suffering from any skin disease or infectious disease shall enter, live, work, or be employed in any laundry.

(2) The occurrence of any infectious or contagious disease on any premise used as a laundry shall immediately be reported to the Mayor by the licensee.

(3) No licensee shall knowingly receive any article whatsoever from or belonging to or used by any person living in any house or institution where there is an infectious or contagious disease.

(4) Any licensee of a laundry who unknowingly receives infected clothes shall immediately on becoming aware of the fact notify the Mayor giving the name and address of the person from whom such clothes were received, and shall take steps to ensure that the infected clothes be set aside and dealt with in such manner as may be directed by the Mayor.

#### Cleanliness

9. (1) Premises used as a laundry and all utensils, equipments, fittings and machinery therein shall be kept in a clean and sanitary condition.

(2) No dogs, poultry or any other animals shall be kept on the premises of any laundry.

(3) Where clothes are dried out of doors they shall be dried on clothes lines above the ground. No clothes shall be dried on the ground.

(4) All washed clothes shall be kept on shelves, containers or tables and not on the floor.

(5) No person shall sit, recline or sleep amongst the clothes in any laundry.

(6) Water from the public water supply shall be used for laundry work unless exempted by the Mayor.

(7) Washed clothes shall not be mixed with dirty clothes.

#### Lending out clothes forbidden

10. No licensee shall lend or hire out or himself use any clothes entrusted to him in the course of his business.

#### Ventilation

11. The licensee shall take steps to ensure that there is adequate ventilation in the licensed premises to the satisfaction of the Mayor and shall cause every means of such ventilation to be kept in good order and in efficient working condition.

#### Penalty

12. Any person who contravenes any of the provisions of these By-laws is guilty of an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

#### Power to compound

13. (1) The Mayor or any officer authorised in writing by the Mayor may in his discretion compound any offence under these By-laws for a sum of money not exceeding five hundred ringgit.

(2) Payment of the sum must be made in cash, or by money order, made payable to the Mayor of the Johor Bahru City Council and crossed "Account Payee Only".

(3) Payment may be delivered personally to the person making the offer to compound, but if sent by post, shall be addressed to the Mayor of the Johor Bahru City Council.

(4) Every payment received must be accounted for as money belonging to the Johor Bahru City Council and an official receipt shall be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.

(5) The form in the Schedule of the Local Government Act (Compounding of Offence) (Majlis Perbandaran Johor Bahru) By-Laws 1987 [J.P.U. I/1989], shall be used for making an offer to compound but may be modified as necessary.

#### SCHEDULE

*[By-laws 4(2)]*

#### LICENCE FEES

*Licence fees per annum*

(a)	Laundry, launderettes and dry cleaning.	RM150.00
(b)	Steam laundry	RM200.00

Made 22nd day of July 2003.  
 [K.T. 24/69/27; PUNJ. Bil. (PU 2) 7 (22).]  
 [MBJB/UU/UUK/2/2003.]

DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN,  
*Mayor,*  
*Johor Bahru City Council*

Confirmed 10th day of September 2003.

HAI SALLEH BIN HAJI AHMAD,  
*Clerk of the State Executive Council,*  
*Johor*